



B

A

B

K

E

L

I

M

A

BAB V P E N U T U P

A. K E S I M P U L A N

Nenerusi bab yang terakhir iipi, penulis akan membuat kesimpulan di samping mengemukakan pandangan dan saranan yang tidak bermaksud mengkritik usaha-usaha JAIN selama ini, sebaliknya dengan harapan dapat membantu mempertingkatkan lagi kegiatan da'wah di Negeri Melaka walaupun hanya merupakan sumbangan yang berbentuk pandangan dari fikiran dan hati yang ikhlas. Antara kesimpulan yang dapat dikemukakan hasil dari kajian ini adalah seperti berikut ;

- 1) Kebangkitan kesedaran Islam yang wujud pada hari ini ternyata sedang menuntut dari penganut-penganut Agama Islam suatu kepekaan dan kewaspadaan yang jauh lebih serius dari zaman sebelumnya. Kepekaan yang penulis maksudkan di sini ialah kepekaan kepada tuntutan-tuntutan Islam itu sendiri yang sebelum ini mungkin tidak difahami atau dikedari kewujudannya. Kepekaan ini juga bertujuan agar penghayatan Islam menjadi lebih lengkap dan bererti, bukan hanya pada peringkat penghayatan perorangan tetapi ditekankan juga pada peringkat penghayatan badan-badan agama rasmi di Malaysia ini sendiri terhadap cita-cita ingin memperluaskan lagi Islam di bumi Allah S.W.T .

2) Penubuhan Majlis Agama Islam Melaka dan Jabatan Agama Islam Melaka pada dasarnya adalah bertanggungjawab berhubung dengan hal ehwal agama Islam di Melaka selaras dengan matlamatnya untuk menjamin setaaharian besar masyarakat Islam di negeri ini mendapat pendidikan, bimbingan serta pengetahuan agama yang kukuh, di samping menyelaras dan mempersempitarkan pembangunan rohani dan jasmani di kalangan mereka. Oleh itu kedua-dua organisasi ini memainkan peranan yang besar untuk membentuk dan mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang dinamis, progresif serta menghayati perkembangan agama Islam dengan sepenuhnya.

3) JAIM adalah sebuah jabatan agama Islam yang bertanggungjawab dan dipertanggungjawabkan oleh MAM untuk mengimplimentasikan segala dasar, perancangan dan aktiviti yang ingin dilaksanakan. Oleh yang demikian segala polisi yang menyentuh hal ehwal agama Islam di negeri ini adalah dipegang oleh MAM dan JAIM pula bertindak sebagai urusetia kepada MAM. Segala program dan aktiviti yang ingin dilaksanakan mestilah mendapat kelulusan dan persetujuan dari Jawatankuasa Tertinggi MAM dan JAIM terlebih dahulu.

4) Sebagai sebuah organisasi yang mendapat tempat dan perhatian Kerajaan Negeri, maka Jabatan Agama Islam Melaka telah mengadakan satu pembahagian tugas untuk melicinkan pentadbirannya dengan mewujudkan beberapa buah Bahagian dalam organisasi ini, agar dapat bergerak cerdas ke arah matlamat yang telah dimeterikan di dalam dasar penubuhannya.

Di samping itu di setiap daerah di negeri Melaka didirikan sebuah Pejabat Agama Islam Daerah yang mempunyai hubungan pentadbiran secara langsung dengan MAIN dan JAIM dalam pentadbiran hal ehwal agama Islam di daerah masing-masing.

5) Sehubungan dengan pembahagian tugas di dalam pentadbiran Islamiah, maka wujudlah Bahagian Da'wah yang telah ditanamkan untuk memikul tanggungjawab dalam soal penyebaran da'wah Islamiah. termauliah bergerak cergas dalam menjalankan aktiviti-aktiviti dan kegiatan tercorak agama kepada masyarakat.

6) Hasil daripada apa yang dibincangkan di dalam Bab IV, penulis juga dapat merumuskan bahawa kebanyakan aktiviti yang dijalankan oleh Bahagian Da'wah JAIM adalah berbentuk "da'wah ke dalam" di mana aktiviti-aktiviti yang dijalankan banyak difokuskan kepada golongan Islam yang ingin mempelajari dan mengikuti aktiviti-aktiviti yang berbentuk agama. Kurang terdapat usaha-usaha untuk "berda'wah ke luar" iaitu berda'wah kepada golongan yang bukan Islam. Keadaan ini berlaku disebabkan pada ketika ini JAIM hanya mampu menumpukan perhatian yang lebih kepada masyarakat Islam demi untuk mengukuhkan aqidah mereka terlebih dahulu sebelum mempertingkatkan lagi da'wah kepada golongan bukan Islam.

7) Kebanyakan pendekatan metod yang digunakan oleh JAIM adalah metod da'wah secara tradisional iaitu berda'wah melalui lisan dan tulisan. Pendekatan penggunaan metod da'wah secara moden belum begitu melu-

an lagi. Walaubagaimana pun usaha-usaha telah diambil untuk memperkenalkan metod ini di kalangan para da'i sesuai dengan perkembangan kemajuan sains dan teknologi yang tidak bertentang dengan Islam.

8) Ternyata di sini usaha-usaha yang dijalankan oleh Bahagian Da'wah JAIM adalah baik dan patut dipuji. Kegiatan agama dilaksanakan kepada semua peringkat umur yang meliputi peringkat kanak-kanak, dewasa dan orang tua. Kegiatan dan aktiviti juga meliputi berbagai bentuk dan pengisiannya seiring dengan matlamat da'wah Islamiah itu sendiri.

9) Wujudnya Majlis Penyelarasan Da'wah Negeri Melaka membuktikan bahawa kerjasama di antara badan-badan da'wah dan kebajikan Islam itu perlu diwujudkan untuk mengeratkan perhubungan dan persefahaman yang murni di samping merancang program da'wah Islamiah bersepadu dan menyelaraskan rancangan atau kegiatan tercorak agama di Melaka.

10) Akhir sekali dapatlah disimpulkan di sini bahawa ukuran kejayaan da'wah Islamiah yang dijalankan oleh JAIM adalah bergantung kepada penyusunan strategi da'wah yang kemas berpandukan pendekatan hikmah, dedikasi dan ikhlasnya penda'wah serta perlunya kerjasama dari masyarakat untuk menjayakan aktiviti yang dianjurkan. Jika ketiga-tiga syarat ini dapat dilaksanakan maka InsyaAllah segala aktiviti tersebut mendapat bimbingan dan hidayah dari Allah S.W.T serta mendapat keredhaan dariNya.

B. SARANAN DAN CADANGAN.

Dalam Bab IV yang lalu penulis telah menaparkan beberapa masalah yang dihadapi oleh JAIM di dalam melaksanakan kegiatan da'wah Islamiah di negeri Melaka. Maka di sini penulis ingin memberi saranan serta cadangan sebagai langkah untuk mengatasi masalah yang dihadapi dan cara untuk mempertingkatkan lagi penyebaran agama Islam di negeri ini. Antara saranan dan cadangan tersebut adalah seperti berikut :

1) Bagi mengatasi masalah kekurangan pekerja atau kakitangan sebagaimana yang dihadapi oleh JAIM, penulis menyarankan agar pihak Jabatan sendiri dengan kerjasama Kerajaan Negeri mengemukakan masalah ini kepada Kerajaan Persekutuan dan merayu atau membuat desakan untuk menambah atau mengisi kakitangan yang diperlukan bagi melicinkan pentadbiran perjalanan da'wah Islamiah yang merupakan agama rasmi Malaysia. InsyaAllah niat baik kita ini akan ditunaikan jika ianya mendapat kerahman Allah S.W.T .

2) Dalam usaha untuk menambahkan lagi tenaga penda'wah dan mualimah terutamanya di kalangan wanita, maka penulis menyarankan kepada JAIM agar memubuhkan badan da'wah sukarela yang dianggotai oleh golongan yang berminat tetapi tidak mampu menguasai bidang ini, sedangkan ia seorang yang pakar dalam bidang-bidang tertentu. Misalnya seorang saintis yang berminat di bidang da'wah tetapi tidak mempunyai pengetahuan tentang teknik-teknik berda'wah. Melihatkan kepada keadaan i

ni, maka penulis menyarankan agar dituturkan pusat latihan muballigh Islam yang boleh melahirkan para penda'wah dari berbagai bidang ilmu yang dapat membuktikan bahawa Islam itu meliputi semua bidang ilmu atau pengetahuan yang tidak bertentangan Islam.

3) Semua kakitangan JAIM dan MAIN, guru-guru agama, imam-imam dan naqib-naqib masjid di Melaka mestilah melibatkan diri secara langsung dalam kegiatan da'wah Islamiah menurut kemampuan masing-masing demi untuk mengurangkan masalah kekurangan penda'wah.

4) Bertubung dengan sasaran da'wah pula, penulis mencadangkan para penda'wah perlu mengikuti kursus bahasa asing seperti bahasa Inggeris, Cina, India, Orang Asli dan lain-lain bahasa agar apa yang disampaikan kepada sasaran da'wah dapat difahami dan dihayati oleh sasaran da'wah yang terdiri daripada orang yang bukan keturunan Melayu dan tidak fasih berbahasa Malaysia. Penulis juga ingin mencadangkan agar saudara baru di bawah bimbingan JAIM dan PERKIN yang menguasai bahasa ibundanya dan memahami Islam diambil sebagai pembantu da'wah apabila tergugah kepada kaum sebangsa dengannya.

5) Untuk memberi kesedaran kepada kaum belia, metod lisan tidaklah mencukupi untuk menimbang mereka ke jalan yang benar. Penulis berpendapat berda'wah kepada golongan ini boleh dilakukan secara tidak langsung menerusi karya-karya cerpen, sajak serta bentuk bahan bacaan lain yang disiarkan menerusi majalah keluaran JAIM iaitu al-Mustaqim

yang diedarkan di setiap jabatan, sekolah dan di majlis-majlis yang dianjurkan oleh JAIN dan MAIN.

6) Memandangkan kepada gerakan misionari agama lain khasnya agama Kristian yang kian memular di Malaysia, maka penulis berpendapat dan menyarankan kepada JAIN tentang perlunya dipertingkatkan dan diperluaskan lagi "da'wah ke luar" terutamanya kepada Orang Asli yang mudah terpengaruh dengan gerakan Kristian yang menggunakan material untuk menarik mereka kepada agama Kristian. Oleh itu para da'i mestilah mempelajari kebudayaan serta cara hidup mereka agar mereka mudah menerima dan mempercayai Islam yang disampaikan kepada mereka.

7) Bahagian Da'wah JAIN perlu memberi khidmat ukhuwwah Islamiyah di hospital yang bukan sahaja memberi sumbangan berbentuk hadiah, malah khidmat yang lebih berkesan lagi perlu diberikan seperti mengazankan bayi-bayi Islam yang baru lahir, menyahadahkan orang-orang yang berzakar dan memberikan perkhidmatan yang diperlukan oleh pihak hospital, terhubung dengan masalah yang dihadapi dan perlu kepada penyelesaian menurut Islam. Jururawat-jururawat hospital yang beragama Islam juga perlu diberi bimbingan agama untuk melahirkan jururawat Islam yang berwiltawa dan dapat berbakti kepada Islam dan masyarakat melalui perkhidmatan perubatan.

8) Dalam menjalankan kegiatan da'wah, perhatian dan penekanan perlu diberikan kepada kakitangan-kakitangan atasan atau yang berjawab-

tan tinggi. Colongan ini merupakan individu yang mempunyai otoriti dalam pentadbiran sesebuah organisasi. Ini bertepatan dengan apa yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w yang menjalankan da'wah kepada pemerintah atau raja sesebuah negara terlebih dahulu sebelum berta'wah kepada rakyatnya yang setia kepada pemerintah.

9) Perlu dikhaskan sebuah bangunan yang khusus untuk mentadbir hal ehwal agama Islam di Melaka. Tidaklah seperti apa yang wujud sekarang di mana Pejabat Pentadbiran JAIN berasingan dengan Pejabat Pentadbiran MAIN.

10) Sekiranya Kerajaan Negeri atau JAIN menghadapi masalah kewangan untuk memperluaskan lagi syiar Islam, adalah dicadangkan supaya meminta atau memohon bantuan kewangan dari negara Islam seperti Arab Saudi dan Kuwait. Penulis yakin negara tersebut tidak keteratan untuk membantu kerana mereka sering menghulur bantuan projek-projek atau program keagamaan di Malaysia.

Demikianlah saranan-saranan yang dapat penulis utarakan setinggi tahap kepada kemajuan da'wah Islamiah di negeri Melaka ini. Penulis berharap ianya dapat dipertimbangkan demi kebaikan Islam.

C. PENUTUP.

Sebagaimana yang telah penulis nyatakan bahwa segala saranan dan cadangan yang penulis kemukakan dalam Latihan ilmiah ini adalah ditujukan kepada kecedaran sebagai seorang Islam yang bertanggungjawab untuk meluas dan mempertahankan keutuhan syiar Islam. Segala saranan dan cadangan yang dikemukakan adalah berdasarkan kepada fikiran, tertuka dan hati yang ikhlas tanpa adanya prejudis.

Penulis sendiri mengakui bahawa terdapat di antara saranan dan cadangan tersebut agak rumit dan perlu kepada masa yang panjang untuk melaksanakannya. Walaubagaimana pun usaha yang gigih serta do'a adalah perlu agar usaha yang murni ini berjaya. Perlu juga diketahui bahawa sesuatu kejayaan itu boleh menjadi kenyataan mutlak semiranya setiap individu dan pihak yang terlibat mempunyai kecedaran serta penhayatan yang bersungguh-sungguh untuk menegakkan keutuhan Islam di bumi Allah ini.

Memandangkan pengalaman ini merupakan pengalaman pertama penulis membuat kajian ilmiah ini bagi memenuhi syarat menamatkan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin, maka penulis mengakui bahawa kajian ini masih banyak mempunyai kekurangan dan kelemahannya. Walaubagaimana pun penulis berharap kajian yang tidak sempurna ini boleh juga dipergunakan atau pedoman kepada perikaji-perikaji yang akan datang untuk merujuk seterusnya menyempurnakan lagi kajian di bidang da'wah ini.

Akhirnya marilah kita sama-sama berdo'a kehadrat Ilahi supaya
menurunkan rahmat dan hidayahNya agar segala apa yang kita impikan da
itu usaha untuk meneruskan kerja-kerja Islam yang suci ini menjadi ke-
nyataan. Semoga Allah S.W.T merestuinnya dan bertekalan: hingga ke a-
akhir zaman. Amin.

SEKIAN